

ANALISIS LAMBANG KATA NAMA LITERAL DALAM PANTUN

Noriza Daud

Abstrak

Kajian ini meneliti tiga komponen lambang, iaitu kategori lambang, makna lambang, dan kategori makna lambang. Aspek yang dikaji melibatkan lambang literal kata nama dalam tema pantun agama dan kepercayaan. Keseluruhannya, tema ini mengandungi lambang kata nama yang bersifat literal, sekali gus membuktikan bahawa genre pantun dalam tema ini lebih cenderung menggunakan lambang serta mengandungi makna yang bersifat jelas dan nyata. Ini mungkin boleh dikaitkan dengan tema pantun itu sendiri yang menjurus kepada unsur pengajaran dan nasihat. Justeru, bahasa yang ringkas dan jelas maksudnya perlu bagi memudahkan interpretasi pembaca.

Abstract

This research focus on three sign components, namely the sign category, definition sign, and definition sign category. The studied aspect includes the literal science nouns in the religion and belief riddle. Overall, all the theme consisted of nouns sign which are literal. They prove that theme in the genre riddle concentrate more on the use of signs which the definition is absolutely clear. The situation maybe influenced by the theme of the riddle which is used to show the good moral and advices value. There for, the use of simple and clear definition of language is important to comfort the readers' interpretation.

PENDAHULUAN

Salah satu genre puisi yang cukup sinonim dengan ungkapan lambang kiasan ialah pantun. Pantun merupakan warisan khazanah masyarakat Melayu

tradisional yang tidak lekang dek panas dan tidak lapuk dek hujan. Melalui pengucapan yang indah, tersusun dalam struktur yang ringkas dan padat serta dipadankan dengan alunan bunyi yang berentak dan berirama menjadikan bentuk ini penuh kesenian. Tidak dapat dinafikan keistimewaan yang terdapat dalam salah satu bentuk media komunikasi ini jarang-jarang ditemui dalam genre yang lain.

Walau bagaimanapun, tidak semua genre ini memusatkan perhatian pada lambang kiasan semata-mata kerana terdapat pantun yang menggunakan lambang-lambang literal seperti yang dapat diperhatikan dalam pantun agama dan kepercayaan (PA&K). Dengan kata lain, pemantun menggunakan bahasa literal dalam menyampaikan maksud secara jelas tanpa mengelirukan pemahaman atau interpretasi masyarakat sekitar. Bahasa literal mengikut pentakrifan *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1998:817), bermaksud sesuatu yang berasaskan makna sebenar atau makna biasa kata-kata yang digunakan (bukan makna kiasan atau makna yang tersirat di sebaliknya).

Cetusan idea, sama ada disampaikan secara literal atau sebaliknya, mengandungi tanda-tanda yang penuh simbolik. Maka, perlu ada suatu pendekatan atau disiplin untuk merungkai pencarian makna, terutamanya yang melibatkan lambang-lambang yang sukar difahami. Pendekatan yang dikenal pasti dalam menangani permasalahan ini ialah disiplin semiotik yang merupakan ilmu bantu kepada cabang linguistik. Semiotik di sini merupakan ilmu atau metode analisis untuk mengkaji tanda.

Penggunaan lambang literal yang bersifat jelas boleh dilihat pada keseluruhan lambang kata nama (KN) dalam PA&K yang menjadi fokus perbincangan kajian ini. Kerelevan masyarakat pemantun memilih gaya penyampaian sedemikian mungkin terletak pada tema sesuatu pantun itu sendiri. Jelasnya, PA&K cuba menyelitkan unsur panduan, nasihat serta cara hidup Islam. Justeru, dari segi pemakaian bahasa jelas menonjolkan ungkapan-ungkapan atau lambang-lambang bahasa yang bersifat ringkas dan jelas.

Bahan Kajian

Data analisis dipetik daripada koleksi pantun Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1984 (cetakan kedua) dalam *Kumpulan Pantun Melayu* (KPM) yang diselenggarakan oleh Zainal Abidin Bakar. Buku ini memuatkan 2052 rangkap pantun yang dibahagikan kepada sebelas jenis tema. Namun, pengkaji hanya memilih satu jenis tema sahaja untuk diaplikasikan dalam kajian ini, iaitu daripada tema pantun agama dan kepercayaan (PA&K). Aspek lambang ditumpukan kepada lambang

KN am dan KN khas sahaja dengan memusatkan bahagian maksud pantun.


Data kajian menunjukkan jumlah keseluruhan pantun yang tergolong dalam kategori tema PA&K ialah sebanyak 79 rangkap dan 76 rangkap daripadanya mengandungi lambang-lambang KN dalam bahagian maksud pantun.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 91 lambang KN yang mengandungi amanat atau mesej tertentu cuba disampaikan oleh pemantun kepada masyarakat pendengar. Terdapat penggunaan lambang-lambang yang diulang melebihi sekali. Kekerapan penggunaan lambang-lambang ini boleh disifatkan sebagai suatu unsur yang cuba diberi perhatian atau ditekankan oleh masyarakat pemantun.

Kebanyakan daripada unsur lambang yang digunakan juga jelas menunjukkan pemilihan ungkapan keagamaan sesuai dengan tema pantun itu sendiri.

PENDEKATAN KAJIAN

Tulisan ini cuba melihat kajian lambang berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh pelopor semiotik moden dari Amerika, iaitu Charles Sanders Peirce. Menurut Peirce (dalam Daniel Chandler, 2002), kewujudan tanda bukan hanya tertumpu pada lambang-lambang linguistik sahaja, bahkan melibatkan tanda-tanda lain seperti gambar dan angka. Bagi menjelaskan skop teori yang dibawa olehnya, beliau telah mengusulkan satu model yang dikenali sebagai segi tiga semiotik seperti dalam rajah yang berikut:



Rajah 1 Model segi tiga semiotik.

Teori Peirce berpendapat bahawa sesuatu itu dikenali sebagai tanda sekiranya mewakili sesuatu yang lain. Sebuah tanda yang disebutnya sebagai *representamen* mewakili sesuatu yang disebutnya sebagai *object* (benda) atau dikenali juga dengan istilah *designatum*, dan *denotatum* dewasa ini disebut dengan istilah *referent*. Jadi, jika sesuatu tanda mewakili objeknya, hal tersebut ialah fungsi utama tanda itu. Misalnya, anggukan kepala mewakili persetujuan manakala gelengan kepala pula mewakili ketidak-setujuan. Untuk membolehkan ia berfungsi, tanda harus difahami, misalnya dengan bantuan suatu kod (huruf atau nombor). Proses perwakilan tanda terhadap objek terjadi pada saat tanda itu ditafsirkan dalam hubungannya dengan yang diwakili. Hal itulah yang disebutnya sebagai *interpretant*, iaitu pemahaman makna yang timbul dalam kognisi (penerima tanda).

Berhubung dengan konsep triadik, Peirce (dalam Daniel Chandler, 2002:32) menjelaskannya seperti yang berikut:

“Tanda … (dalam bentuk perwakilan) ialah sesuatu yang mengarahkan seseorang kepada sesuatu berdasarkan kapasiti tertentu. Ia mengarahkan seseorang, iaitu menciptakan suatu tanda persamaan di dalam minda orang tersebut, ataupun suatu tanda yang lebih nyata. Tanda yang dihasilkan itu dinamakan ‘interpretant’ tanda pertama. Tanda tersebut mewakili sesuatu objek, bukan dari semua segi tetapi sebagai rujukan sesuatu idea yang kadang-kadang saya namakan atas representamen.”

Berdasarkan pendekatan Peirce, *representamen* merujuk kepada lambang. Lambang dalam konteks kajian ini terdiri daripada bahasa, iaitu kategori bahasa yang bersifat literal. Kajian ini juga hanya memfokuskan aspek lambang KN sahaja. Lambang-lambang ini akan diwakili oleh objek yang tertentu. Objek yang dimaksudkan di sini merujuk kepada entiti yang bersifat konkret dan abstrak, iaitu meliputi segala kewujudan yang bersifat empirikal. Ringkasnya, kehadiran objek-objek ini dapat dikesan, sama ada melalui deria rasa, deria bau, deria dengar, deria lihat, mahupun deria sentuh. Sementara *interpretant* pula merujuk kepada makna yang ditafsirkan berdasarkan hubungan antara lambang dengan objek. Maka wujudlah hubungan yang bersifat tiga hala antara lambang, objek, dan makna, seperti yang dapat diperhatikan melalui contoh yang berikut:

Jadual 1 Hubungan yang bersifat triadik.

Lambang	Objek	Makna
Manusia	Konkrit	- Sejenis makhluk

sambungan Jadual 1

Lambang	Objek	Makna
		<ul style="list-style-type: none"> - Bernyawa - Berakal - Bernafsu
Binatang	Konkrit	<ul style="list-style-type: none"> - Sejenis makhluk - Bernyawa - Tidak berakal - Bernafsu
Ilmu	Abstrak	<ul style="list-style-type: none"> -Pengetahuan - Kepandaian - Kemahiran

Pendekatan yang digagaskan oleh Peirce hanya tertumpu pada kewujudan yang bersifat zahiriah semata-mata. Oleh itu, konsepsi terhadap sesuatu lambang juga amat terbatas. Ini menunjukkan bahawa manusia hanya berpandukan akal fikiran dengan dibantu oleh kajian saintifik dalam mentafsirkan pengertian sesuatu lambang. Jelasnya, sesuatu lambang hanya wujud sekiranya dapat diperlihatkan dalam bentuk objek yang bersifat konkrit atau abstrak. Lambang di sini hanya berfungsi menamakan atau melabelkan sesuatu objek. Oleh yang demikian, tidak mustahil wujudnya pelbagai lambang bagi mewakili sesuatu objek disebabkan wujudnya ribuan bahasa di dunia ini.

Konsep

Pendefinisan lambang menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1998:752) ialah tanda yang menyatakan atau mengenalkan sesuatu (seperti bendera, lencana), simbol atau isyarat. Menurut Peirce (dalam Innis, 1985:8), lambang dapat didefinisikan sebagai suatu tanda yang merujuk kepada objek seperti dalam kenyataannya yang berikut:

“Simbol ialah tanda yang merujuk kepada objek yang dirujuknya atas sebab sesuatu bentuk undang-undang, biasanya berhubung dengan idea secara umum yang bertindak menterjemahkan simbol bagi objek yang dirujuknya.”

Banyak sekali perbincangan yang mendefinisikan pengertian lambang setepat mungkin oleh sarjana Barat. Namun, kata kuncinya merujuk kepada

lambang yang ditandakan secara budaya dan bersifat konvensional. Lambang di sini merujuk kepada objek asal dengan suatu kawalan peraturan atau undang-undang khusus yang dikatakan bersifat arbitrari. Lambang boleh dilihat hubungannya dengan objek hanya dengan bantuan pentafsir. Tanpa pentafsir, lambang tidak membawa apa-apa pengertian.

Berhubung dengan pendefinisian konsep lambang ini juga, seorang lagi tokoh kebahasaan, iaitu Saussure berpendapat bahawa lambang terjadi dan wujud apabila konsep dan imej bunyi disatukan. Ertinya, kombinasi konsep dan imej bunyi atau dengan kata lain, ikatan antara pelambang dengan unsur lambang menghasilkan lambang-lambang dalam ilmu linguistik. Hubungan antara kedua-duanya ini pula bersifat sewenang-wenang, yakni tidak ada satu tatahukum yang mengawalnya, cuma diperkujuh oleh tradisi dan resam orang-orang yang menuturkan bahasa itu.

Menurut Saussure (1959:68) lagi, kata lambang digunakan untuk merujuk kepada tanda linguistik atau apa-apa yang digelar penanda. Kenyataan ini boleh diperlihatkan melalui petikan yang berikut:

“Perkataan simbol telah digunakan untuk mereka bentuk tanda linguistik ataupun lebih jelas lagi dipanggil penanda”.

Hal menarik yang boleh ditinjau dalam sebarang kajian lambang, misalnya lambang jalan adalah dalam usaha untuk mengetahui betapa hubungan makna dan lambang itu sendiri bersifat sewenang-wenang dan tidak tetap. Pengertiannya boleh berubah-ubah dari semasa ke semasa mengikut keadaan dan kehendak masyarakat.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, perubahan tersebut disebabkan kehadiran lambang-lambang yang difahami sebagai membawa “erti” itu sebenarnya tidak mempunyai makna. Makna yang diperoleh itu sebenarnya diberikan oleh sekelompok masyarakat dengan persetujuan dan perakuan masyarakat yang menggunakaninya. Oleh hal yang demikian, lambang-lambang tadi lama-kelamaan menjadi sejagat, khususnya apabila diterima umum.

Lambang-lambang ini pula dapat diklasifikasikan kepada kategori lambang yang bersifat konkrit dan abstrak. Konkrit disifatkan sebagai sesuatu yang dapat digambarkan (dirasai, dilihat), bersifat kebendaan (tidak abstrak), nyata ada (kelihatan), dan maujud (*Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1998:701). Sementara itu pula, abstrak tidak berupa atau bersifat kebendaan (tidak dapat dilihat atau dirasai dengan pancaindera), tidak konkrit atau maujud (*Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1998:3). Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa lambang dapat dikelaskan kepada yang bersifat maujud dan tidak maujud.

Fokus kajian ini juga hanya tertumpu kepada golongan kata nama (KN), iaitu kata yang menyatakan nama seseorang, sesuatu benda atau tempat (*Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1998:584). KN ini merangkumi sejumlah perkataan yang boleh menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama, dan lazimnya perkataan demikian menamakan orang, tempat, benda, atau konsep. KN dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu KN am, KN khas dan kata ganti nama (Nik Safiah Karim *et al.*, 1993:97). Namun, dalam konteks kajian ini, hanya KN am dan KN khas sahaja yang diberikan perhatian.

ANALISIS KAJIAN

Perbincangan ini akan tertumpu kepada tiga aspek lambang, iaitu aspek kategori lambang (KL), makna lambang (ML) dan kategori makna lambang (KML) kata nama.

Kategori Lambang Kata Nama

Berdasarkan kajian, lambang KN dapat dikategorikan seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 2 Jumlah dan peratusan kategori lambang KN dalam PA&K.

Kategori lambang KN	Jumlah	Peratus (%)
Konkrit	48	52.7
Abstrak	43	47.3
Jumlah	91	100.0

Kategori Lambang Kata Nama Konkrit

Daripada data kajian, sebanyak 48 atau 52.7% terdiri daripada KL yang bersifat konkrit. Lambang daripada kategori ini mendukung tempat tertinggi daripada jumlah keseluruhan data kajian. Bagi memudahkan perbincangan, dipetik beberapa contoh dapatan seperti yang berikut:

- | | |
|---------------|--------------|
| Badan | (KPM:121/60) |
| Nabi Muhammad | (KPM:124/60) |
| Kitab | (KPM:133/62) |
| Dunia | (KPM:144/63) |

Dapat diperhatikan bahawa pemantun menggunakan lambang-lambang

yang bersifat konkrit, iaitu kewujudannya dapat dirasai dan dilihat dengan mata kasar. Di sinilah pemantun memainkan peranan dalam menyampaikan maksud atau mesej tertentu tanpa mengelirukan khalayak. Hal ini jelas dalam pemilihan ungkapan-ungkapan yang bersifat nyata, sesuai dengan media pantun yang berfungsi menyampaikan unsur nasihat dan nilai-nilai moral. Bagi memudahkan maksud pantun difahami, pemilihan ungkapan yang sedemikian dijadikan sebagai alternatif. Hal ini dapat diperhatikan melalui penggunaan lambang “dunia” dalam rangkap pantun yang berikut:

Halia ini tanam-tanaman,
Di barat sahaja akan tumbuhnya;
Dunia ini pinjam-pinjaman,
Akhirat juga akan sesungguhnya.

(KPM, 1984:63)

Lambang “dunia” hadir dengan kekerapan yang tertinggi, iaitu sebanyak 10 kali. Dunia dalam konteks pantun tersebut merujuk kepada alam yang bersifat zahiriah, iaitu tempat manusia menjalani kehidupan sehari-hari. Kedudukan bumi yang ditempati oleh manusia yang mempunyai garis tengah 12 757 km dan panjang kelilingnya 40 000 km hanyalah merupakan sebuah tempat yang sangat kecil di alam dunia ini.

Wujudnya alam ini juga berkait rapat dengan tujuan penciptaan manusia itu sendiri. Manusia diciptakan sebagai khalifah untuk mentadbir alam. Justeru, dunia ini telah dicipta khas untuk manusia, tetapi manusia tidak dicipta untuk dunia ini, sebaliknya untuk hari kemudian (hari akhirat), yakni tempat segala perlakuan dan amalan mereka dihitung berdasarkan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Demikianlah peringatan yang cuba disampaikan oleh pemantun yang dapat diperhatikan melalui rangkap pantun tersebut.

Yang berikut ini merupakan dua lagi contoh bagi menjelaskan KL konkrit, iaitu lambang “siang” dan “malam” seperti dalam konteks pantun yang berikut:

Kobat Bisnu raja di alam,
Seri Sultan Mahkota desa;
Taubat terselit siang dan malam,
Baru terampun segala dosa.

(KPM, 1984:70)

Lambang “siang” dan “malam” mempunyai kekerapan terendah, iaitu

masing-masing hadir 1 kali sahaja daripada jumlah keseluruhan lambang. Perbezaan siang dan malam menunjukkan bahawa bumi sentiasa beredar mengelilingi matahari. Bumi yang membelakangi matahari akan menjadi gelap (malam) sementara bahagian bumi yang menghadap matahari pula akan menjadi cerah (siang). Ahli-ahli sains yang menjalankan penyelidikan tentang fenomena ini juga turut mendapati bahawa matahari, bulan, bumi dan bintang-bintang merupakan unsur cakerawala yang sentiasa beredar di angkasa lepas menurut paksinya.

Hasil daripada kajian terhadap alam cakerawala ini juga, ahli-ahli falak telah berjaya menentukan waktu dan masa seperti hari, bulan dan tahun. Masing-masing mempunyai kuasa tarikan (daya graviti) yang bertindak menarik antara satu sama lain. Secara logiknya juga, jika peredaran tersebut tidak dikawal, sudah tentunya akan berlanggar sesama sendiri dan akibatnya akan membawa kemusnahan kepada seluruh alam.

Kategori Lambang Kata Nama Abstrak

Lambang-lambang yang bersifat abstrak pula mewakili sebanyak 43 atau 47.3% daripada jumlah keseluruhan lambang. Yang berikut ialah kutipan beberapa contoh dapatan yang bersifat abstrak:

Ketetapan	(KPM:140/63)
Iman	(KPM:152/64)
Ilmu	(KPM:178/68)
Amalan	(KPM:187/69)

Tidak semua lambang dapat ditunjukkan dalam binaan yang konkret. Ini bermakna terdapat penggunaan lambang-lambang yang hanya berkisar atau terbentuk dalam fikiran dan sukar untuk diterjemahkan memandangkan sifatnya yang abstrak. Penggunaan lambang-lambang sedemikian dapat diperhatikan melalui contoh dalam rangkapan pantun yang berikut:

Zaman empat satu masa,
Zaman mula pula dibilang;
Jangan mengumpat sangat berdosa,
Iman yang salah habis tinggi.

(KPM:152)

Lambang “iman” hadir dengan kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak tiga kali. Iman merupakan kepercayaan akan kewujudan Pencipta. Dalam konteks pantun tersebut, ia merujuk kepada kewujudan Allah. Hal ini dikaitkan dengan

kepercayaan orang Islam. Kepercayaan ini hanya wujud di dalam hati, yakni sukar untuk diterjemahkan disebabkan sifatnya yang abstrak.

Yang berikut ini merupakan satu lagi contoh lambang yang dapat dikutip bagi menjelaskan lambang dalam kategori abstrak, iaitu seperti dalam rangkap pantun yang berikut:

Asamnya kandis asam gelugur,
Ketiga dengan asam remunia;
Nyawa menangis di pintu kubur,
Hendak kembali ke dalam dunia.

(KPM, 1984:68)

Lambang “nyawa” pula mempunyai kekerapan yang terendah, iaitu hadir hanya satu kali sahaja. Lambang ini membawa pengertian kehidupan, khususnya kepada makhluk yang bernyawa dan hidup seperti manusia dan binatang. Manusia terdiri daripada tiga elemen, iaitu jasad (anggota lahiriah), roh (aspek batiniah) dan jiwa. Selagi manusia itu bernyawa, ketiga-tiga elemen ini saling lengkap-melengkapi. Namun, apabila seseorang itu telah menemui ajalnya, maka roh akan terpisah daripada jasad.

Roh juga merujuk kepada kehidupan atau sesuatu yang bernyawa. Roh sebenarnya hadir sejak benih manusia mengalami persenyawaan. Kedua-dua sel yang sangat kecil ini boleh bergerak dan aktiviti mereka membuktikan kehadiran roh itu. Kehadiran roh dapat dikesan walaupun tidak dapat dilihat. Ini kerana roh bersatu dengan jasad selagi manusia itu hidup atau bernafas. Dengan kata lain, roh berpadu dengan jasad hingga kepada peringkat seseorang itu akan menemui ajalnya. Apabila keluarnya roh daripada jasad, maka akan berakhirlah proses kehidupan. Namun, pengetahuan seseorang manusia mengenai roh begitu terbatas sekali kerana hanya menjadi rahsia dan urusan Allah SWT sahaja.

Dalam konteks kehidupan, seseorang manusia dikatakan hidup kerana masih bernyawa. Ini bermakna jasad, iaitu tubuh badan manusia masih dilengkapi dan bersepadan dengan roh atau nyawa. Ringkasnya, kehadiran roh dalam diri menandakan seseorang individu masih hidup dan bernyawa.

Makna Lambang KN Literal

Aspek makna lambang KN literal mewakili keseluruhan jumlah data kajian. Ini bermakna dalam tema PA&K, hanya makna yang bersifat literal digunakan. Melalui hasil kajian, dapat dirumuskan bahawa pemilihan tema memungkinkan penggunaan lambang-lambang yang bermaksud sedemikian. Dalam hal ini,

masyarakat pemantun hanya menggunakan maksud yang jelas sahaja dalam menyampaikan sesuatu mesej tertentu. Yang berikut ini disenaraikan empat contoh makna lambang KN literal yang dipetik daripada data kajian.

Harta	(KPM:114)
Laut	(KPM:156)
Kubur	(KPM:172)
Racun	(KPM:183)

Berdasarkan data kajian, lambang dalam kumpulan makna literal ini juga dapat dikelaskan kepada unsur konkrit dan unsur abstrak seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 3 Makna lambang literal mengikut sifat kata.

Makna lambang literal	Jumlah	Peratus (%)
ML Literal Konkrit	48	52.7
ML Literal Abstrak	43	47.3
	91	100.0

Makna Literal Konkrit

Makna literal yang mendukung maksud konkrit mendahului dan meliputi lebih daripada sebahagian data, iaitu dengan 48 atau bersamaan dengan 52.7%. Lambang yang tergolong dalam maksud konkrit boleh dilihat melalui contoh dalam rangkap pantun yang berikut:

Hari ini hari Sabtu,
 Esok hari Ahad;
 Jangan tinggal **sembahyang** lima waktu,
 Tentu tahu nafi dan isybat.

(KPM, 1984:65)

Daripada jumlah keseluruhan data sebanyak 91, lambang “sembahyang” mempunyai kekerapan sebanyak lima kali. Gerak-geri atau perlakuan dalam ibadah sembahyang merupakan sesuatu yang direalisasikan, iaitu tergolong dalam lambang yang bersifat konkrit walaupun pada peringkat dasarnya, lambang sembahyang termasuk dalam kategori abstrak.

Pengertian sembahyang juga ternyata berbeza-beza mengikut kepercayaan serta anutan agama masing-masing. Masyarakat Islam misalnya,

melakukan ibadah wajib ini sebanyak lima kali sehari, sama ada di rumah atau di tempat-tempat ibadah seperti di masjid dan di surau. Bagi masyarakat Cina pula, mereka menjalankan upacara bersembahyang di tokong dan menyembah patung Buddha yang dianggap sebagai tuhan. Masyarakat Hindu pula mengunjungi kuil sebagai tempat ibadah dan turut menyembah objek patung yang dianggap sebagai dewa-dewi, manakala masyarakat Barat menjalankan upacara bersembahyang di gereja dengan menghadap tuhan mereka yang dikenali dengan nama Jesus.

Jika diperhatikan, sudah tentu cara bersembahyang yang dilakukan oleh sesuatu kelompok masyarakat berbeza dan tuhan yang menjadi objek sembahyan juga turut berbeza. Tiada waktu khusus yang ditetapkan oleh agama selain Islam bagi menjalankan aktiviti keagamaan ini. Dengan kata lain, pengikut ajaran lain bebas bersembahyang sesuka hati mereka ataupun pada hari-hari tertentu yang telah ditetapkan.

Makna Literal Abstrak

Penggunaan lambang yang merujuk kepada makna literal abstrak pula mewakili 43 atau bersamaan dengan 47.3%. Yang berikut ini merupakan contoh makna literal abstrak yang hadir, iaitu seperti dalam rangkap pantun yang berikut:

Dua tiga empat lima,
Enam tujuh lapan sembilan;
Kita hidup tidakkan lama,
Jangan lupa siapkan **bekalan**.

(KPM, 1984:66)

Lambang “bekalan” dalam konteks rangkap pantun tersebut merujuk kepada amalan-amalan yang dituntut oleh Allah S.W.T. Amalan-amalan tersebut boleh diumpamakan sebagai bekalan untuk menuju ke hari akhirat supaya manusia tidak “kelaparan”. Namun, konteks bekalan di sini bukanlah merupakan sesuatu yang zahir atau bersifat material, sebaliknya ialah persiapan batin yang terdapat dalam diri seseorang individu. Ini kerana hanya amalan yang mulia dapat menjamin kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat.

Kepentingan menyediakan bekalan semasa hayat seseorang di dunia digambarkan oleh pemantun yang secara tidak langsung mengingatkan masyarakat pendengar akan kehidupan yang sementara sahaja di muka bumi ini. Justeru, untuk kembali ke alam yang kekal abadi, perlunya persiapan bekalan untuk menjamin kebahagiaan hidup di akhirat kelak.

Namun, manusia pada hari ini seolah-olah mengejar aspek material sebagai bekalan untuk meneruskan kehidupan. Bekalan yang dicari berupa harta kekayaan dan wang ringgit kerana bagi mereka semua itu amat penting bagi meneruskan keberlangsungan hidup. Tanpa wang, semua benda tidak dapat dibeli. Malangnya mereka tidak menyedari bahawa wang ringgit hanya berguna semasa kehidupan di dunia semata-mata sedangkan apabila matinya seseorang itu hanya kain kapan yang nilainya tidak seberapa dibawa ke dalam kubur. Harta yang melimpah-ruah sekalipun terpaksa ditinggalkan di dunia.

Kategori Makna Lambang Kata Nama

Lambang-lambang dalam kumpulan tema PA&K dapat dikelaskan mengikut pembahagian kategori makna seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 4 Jumlah dan peratusan kategori makna lambang KN dalam PA&K.

Bil.	Kategori makna lambang KN	Jumlah	Peratus (%)
1	Anggota Badan	4	4.0
2	Upacara	3	3.0
3	Kala	5	5.0
4	Manusia	17	20.0
5	Alam Fizikal	1	1.0
6	Objek Konkrit	13	14.0
7	Tempat	7	8.0
8	Konsep	25	28.0
9	Pencipta	4	4.0
10	Perilaku	10	11.0
11	Makhluk Ghaib	2	2.0
Jumlah		91	100.0

Berdasarkan jadual tersebut, kategori makna lambang yang mendukung makna Konsep menduduki tempat yang tertinggi, iaitu sebanyak 25 atau bersamaan dengan 28.0% manakala yang terendah ialah Alam Fizikal, iaitu hanya satu atau bersamaan dengan satu peratus. Kedudukan mengikut urutan tertinggi kepada yang terendah adalah seperti yang berikut: Konsep 25 (28.0%), Manusia 17 (20.0%), Objek Konkrit 13 (14.0%), Perilaku 10 (11.0%), Tempat 7 (8.0%), Kala 5 (5.0%), Anggota Badan dan Pencipta masing-masing 4 (4.0%), Upacara 3 (3.0%), Makhluk Ghaib 2 (2.0%), dan Alam Fizikal 1 (1.0%).

Daripada 11 kategori makna tersebut, dapat dikelaskan pula kepada dua aspek, iaitu kategori makna lambang konkrit dan kategori makna lambang abstrak seperti yang ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

Jadual 5 Jumlah dan peratusan kategori makna lambang yang berdasarkan kepada kategori lambang KN dalam PA&K.

Kategori makna lambang KN	Jumlah	Peratus (%)
KML konkrit	55	60.4
KML Abstrak	36	39.6
	91	100.0

Kategori Makna Lambang Konkrit

Aspek kategori makna konkrit mendukung tempat tertinggi dengan jumlah 55 atau 60.4%, iaitu melebihi separuh daripada data kajian. Secara umumnya, aspek kategori makna lambang-lambang KN ini dapat dipecahkan kepada 11 jenis yang utama (lihat Jadual 3). Namun, aspek kategori makna konkrit hanya merangkumi tujuh jenis daripada jumlah keseluruhannya seperti yang ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

Jadual 6 Jumlah dan peratusan kategori makna lambang konkrit dalam PA&K.

Bil	Kategori makna lambang konkrit	Jumlah	Peratus (%)
1	Anggota Badan	4	7.0
2	Upacara	3	5.0
3	Manusia	17	31.0
4	Alam Fizikal	1	2.0
5	Objek Konkrit	13	24.0
6	Tempat	7	13.0
7	Perilaku	10	18.0
Jumlah		55	100.0

Berdasarkan jadual tersebut, kategori makna lambang konkrit Manusia menduduki tempat tertinggi dengan jumlah 17 atau bersamaan dengan 31.0% manakala yang terendah pula ialah kategori Alam Fizikal, iaitu berjumlah satu atau dua peratus. Urutan mengikut susunan tertinggi kepada

yang terendah ialah Manusia (17), Objek Konkrit (13), Perilaku (10) Tempat (7), Anggota Badan (4), Upacara (3) dan Alam Fizikal (1).

Jelasnya, pemantun masih mengekalkan ciri-ciri estetika dalam bahasa pantun. Ini kerana walaupun disusun dalam bentuk yang padat dan ringkas, namun mesejnya masih dapat disampaikan dengan sebaik mungkin. Hal ini dapat diperhatikan melalui penggunaan ungkapan yang bersifat konkrit dari segi maksudnya. Contohnya melalui lambang dalam rangkap pantun yang berikut, iaitu dalam kategori makna lambang konkrit Manusia.

Banyaklah hari antara hari,
Tidak semulia hari jumaat;
Banyaklah nabi antara nabi,
Tidak semulia **Nabi Muhammad.**

(KPM, 1984:60)

Lambang “Nabi Muhammad” hadir sebanyak enam kali daripada 76 rangkap pantun yang dijadikan data kajian. Baginda telah diutus sebagai Rasul dan juga Nabi yang terakhir (ke-25). Nabi Muhammad merupakan insan terpuji yang menjadi ikutan dan contoh teladan kepada umat seterusnya. Berdasarkan hakikat inilah, pemantun menyifatkan bahawa keperibadian dan keunggulan Rasulullah s.a.w. tiada tandingannya dengan sekalian nabi yang lain. Mukjizat terbesar yang dianugerahkan oleh Allah kepadanya ialah al-Qurān yang masih kekal dan menjadi pegangan umat sehingga ke hari ini.

Kategori Makna Lambang Abstrak

Kategori makna lambang abstrak menduduki tempat kedua tertinggi, iaitu sebanyak 36 atau bersamaan dengan 39.6 % daripada jumlah keseluruhan. Terdapat hanya empat jenis makna sahaja dalam bahagian ini, iaitu seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 7 Jumlah dan peratusan kategori makna lambang abstrak dalam PA&K.

Bil	Kategori makna lambang abstrak	Jumlah	Peratus (%)
1	Kala	5	13.9
2	Konsep	25	69.4
3	Pencipta	4	11.1
4	Makhluk Ghaib	2	5.6
Jumlah		36	100.0

Berdasarkan jadual yang berikut, kategori makna abstrak Konsep mewakili jumlah tertinggi dengan jumlah 25 (69.4%), iaitu melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan. Seterusnya diikuti oleh Kala sebanyak lima (13.9%), Pencipta sebanyak empat (11.1%) dan Makhluk Ghaib sebanyak dua atau bersamaan dengan 5.6%.

Yang berikut ialah contoh penggunaan lambang dalam kategori makna literal abstrak.

Taman Permata terlalu indah,
Tempat bidadari Lela Utama;
Dunia dicari terlalu susah,
Terlebih baik mendirikan agama.

(KPM, 1984:63)

Dalam konteks pantun yang berikut, lambang agama yang dimaksudkan ialah agama Islam. Islam merupakan satu agama yang cukup sempurna dan dalam al-Quran sendiri Allah telah menegaskan bahawa satu-satunya agama yang diakui oleh-Nya ialah Islam. Islam menggariskan perkara-perkara yang halal dan juga perkara-perkara haram yang mesti dihindari sebagai panduan kepada umatnya.

Dalam segenap aspek kehidupan manusia seperti cara berpakaian, pemakanan, aspek sosialisasi, muamalat dan dalam amalan-amalan tertentu telah ditetapkan perkara-perkara yang dilarang dan diharamkan oleh Allah S.W.T. Justeru, sebagai umat yang berpegang teguh kepada ajaran Islam seharusnya memberikan tumpuan khusus terhadap perkara-perkara yang menjadi kemungkaran Allah agar diri tidak terjebak secara langsung mahupun secara tidak langsung.

Tradisi keilmuan Barat yang menolak fenomena ghaib jelas bertentangan dengan tradisi keilmuan Islam. Menerusi sumber naqli, iaitu al-Quran dan Hadis, manusia mampu mengenal pasti perkara-perkara yang melampaui alam ghaib walaupun tidak dapat dibuktikan melalui binaan yang bersifat konkret. Ini kerana dalam al-Quran cukup jelas menerangkan segala kewujudan yang ada, merangkumi kewujudan pada tahap multidimensi. Maka teori Peirce yang bersifat hubungan tiga hala gagal meletakkan objek (rujukan) pada kedudukannya yang tepat. Inilah antara perkara yang perlu diberikan perhatian memandangkan fungsi ilmu itu sendiri adalah untuk membawa manusia kepada kebenaran.

Tidak dapat dinafikan bahawa kewujudan lambang-lambang yang bersifat ghaib, yakni objek-objek yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar

tidak begitu diberi perhatian sebelum ini. Seolah-olah apa-apa sahaja yang tidak kelihatan dianggap tidak wujud. Namun, keterangan mengenai fenomena alam ghaib ini diterangkan secara jelas dalam al-Quran, iaitu menerusi surah al-An'aam yang bermaksud:

“Dan pada sisi Allah jualah anak kunci pertembahan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dialah sahaja; dan Ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daunpun melainkan Ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir biji pun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata.”

(al-Quran, 6:59)

Dengan yang demikian, tidak harus dinafikan persoalan kewujudan perkara-perkara yang ghaib meskipun terdapat kesukaran untuk membuktikannya pada tahap rujukan (objek). Namun, menjadi tugas manusia yang diberi ilmu pengetahuan untuk mencari kebenaran.

Berdasarkan kepada hakikat ini, perlunya kesedaran di kalangan ilmuwan untuk melihat atau mengkaji fenomena ghaib yang merentasi alam dunia. Dalam konteks PA&K yang dijadikan data kajian, dapat ditemui 11 lambang dalam kategori yang bersifat ghaib. Antaranya ialah:

Tuhan	(KPM:120/60)
Akhirat	(KPM:125/61)
Syurga	(KPM:128/61)
Loh Mahfuz	(KPM:139/62)

Justeru, kajian ini secara tidak langsung cuba mengesan kehadiran lambang-lambang yang mungkin tidak dapat dirujuk secara fizikal. Kajian ini juga berusaha untuk melihat semua kewujudan yang ada tanpa mengetepikan unsur-unsur yang dianggap tidak wujud kerana tidak dapat dibuktikan melalui kajian saintifik. Yang berikut ini ialah contoh penggunaan lambang yang bersifat ghaib:

Buah remia bawa ke huma,
Untuk dimakan sambil menjerat;
Hidup di dunia tidaklah lama,
Patut amalkan bekal akhirat.

(KPM, 1984:63)

Berdasarkan data kajian, lambang “akhirat” mempunyai kekerapan sebanyak enam kali. Alam akhirat sudah tentunya tidak dapat dibuktikan melalui pengalaman indera seseorang kerana sifatnya yang tidak kelihatan, iaitu merentasi alam dunia.

Contoh yang seterusnya merupakan satu lagi lambang dalam kategori ghaib.

Jong sarat kain bertulis,
Pakaian Raja Bugis Makasar;
Di **Loh Mahfuz** sudah tertulis,
Janji tidak dapat ditukar.

(KPM, 1984:139)

Menurut pengertian kamus, Loh Mahfuz bermaksud sejenis papan yang bertulis ketentuan tentang nasib manusia (*Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 2002:820). Lambang ini hadir dengan kekerapan terendah, iaitu hanya satu kali sahaja. Namun, dalam konteks ini, konsep “papan bertulis” tidak dapat disamakan dengan papan yang biasa dilihat, bersifat konkret dan maujud. Ini kerana kewujudannya berada di luar jangkauan fakulti manusia, iaitu letaknya di alam ghaib. Maka, objek di sini tidak dapat dilihat dengan mata kasar mahupun dengan sebarang bantuan pancaindera yang lain.

Konsep ini merujuk kepada ketentuan yang telah ditakdirkan ke atas setiap diri manusia, sama ada perkara kebaikan atau keburukan. Setiap yang telah ditentukan tidak dapat diubah. Namun, ini tidak bermakna manusia patut menyerah kepada nasib semata-mata dengan alasan semuanya telah ditentukan. Nasib sesuatu kaum tidak akan berubah selagi mereka sendiri tidak berusaha untuk mengubahnya. Ini bermakna manusia harus berusaha untuk mendapatkan sesuatu matlamat dengan cara yang dituntut dan selebihnya berserah kepada Tuhan.

Seterusnya juga merupakan contoh kehadiran lambang yang bersifat ghaib seperti yang dapat diperhatikan melalui rangkap pantun yang berikut:

- (i) Tiada boleh menetak jati,
Papan di Jawa terbelah-belah;
Tiada boleh kehendak hati,
Kita di bawah perintah Allah.

(KPM, 1984:70)

(ii) Hari ini hari Isnin,
Hari esok hari Selasa;
Baru kita dapat mengenal,
Dapat mengenal **Tuhan** Yang Esa.

(KPM, 1984:61)

Jika diperhatikan dua rangkap pantun di atas, ternyata masyarakat yang menghasilkan pantun Melayu tradisional ini telah menggunakan dua pelambang yang berbeza bagi merujuk kepada Pencipta Yang Esa. Dari segi istilah umumnya, pengertian Allah dan Tuhan berbeza mengikut fahaman agama kerana Allah dalam konteks masyarakat Islam merujuk kepada Tuhan Yang Esa. Sementara itu, tuhan dalam konteks fahaman lain boleh merupakan tuhan yang pelbagai. Namun, kehadiran lambang Allah dan juga Tuhan dalam data kajian merujuk kepada unsur lambang yang sama, yakni Pencipta Yang Esa.

Lambang "Allah" mempunyai kekerapan sebanyak lapan kali sementara lambang "Tuhan" secara umum mempunyai kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak sembilan kali. Allah atau Tuhan merupakan lambang yang ghaib. Bukti kewujudan Allah dijelaskan melalui tanda-tanda kekuasaan-Nya seperti yang terdapat dalam dalil-dalil naqli. Sekalipun Allah tidak dapat dirujuk dengan mata kasar, bukti adanya Allah sebagai Tuhan semesta alam yang mengawal segala yang terdapat di bumi dan di langit boleh dilihat melalui sifat-sifat-Nya.

KESIMPULAN

Dapat dirumuskan bahawa penggunaan lambang kata nama dalam kategori PA&K hanya mengandungi satu aspek makna sahaja, iaitu makna literal yang jelas maksudnya tanpa dikelirukan oleh makna yang bersifat figuratif.

Daripada perbincangan yang menumpukan perhatian kepada lambang-lambang yang bersifat konkret dan abstrak, terdapat kepincangan dalam skop teori yang dibawa oleh Peirce. Ini kerana kewujudan yang dikaji hanya terbatas kepada lambang-lambang yang bersifat empirikal semata-mata dan menafikan adanya persoalan-persoalan yang bersifat ontologikal. Disiplin ilmu yang berteraskan sekular dan hanya bergantung pada ilmu akliah tidak mampu menangani segala permasalahan yang berkaitan dengan kajian terhadap tanda, khususnya yang melibatkan lambang-lambang yang sukar diterjemahkan dan dibuktikan secara konkret.

Oleh itu, kewujudan lambang-lambang, sama ada yang bersifat sahih

atau kabur hanya mampu diselongkar melalui pendekatan yang mengambil kira ilmu naqli, yakni berdasarkan al-Quran dan Hadis. Kedua-dua sumber naqli ini merupakan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w, sebagai panduan kepada seluruh umat manusia. Dengan ini, tidak akan timbul sebarang persoalan lagi terhadap perkara-perkara ghaib yang hanya menjadi pengetahuan Allah S.W.T. Ini kerana walaupun keterbatasan akal fikiran manusia begitu terhad, mereka telah dibekali dengan sumber ilmu pengetahuan yang memang tidak dapat diragui akan kesahihannya.

RUJUKAN

- Alias Yunos, 1966. *Pantun Melayu Sastera Rakyat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Federal Berhad.
- Baharuddin Ahmad, 1994. *Falsafah Sains daripada Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chandler, Daniel, 2002. *Semiotics: The Basics*. London: Routledge.
- Cobley, Paul, 2001. *The Routledge Companion to Semiotics and Linguistics*. London: Routledge.
- Cobley, Paul dan Jansz, Litza, 1997. *Introducing Semiotics*. Australia: Allen & Unwin Pty. Ltd.
- Culler, Jonathan, 1975. *Structuralist Poetics: Structuralism, Linguistics and the Study of Literature*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Culler, Jonathan, 2001. *The Pursuit of Signs: Semiotics, Literature, Deconstruction*. London: Routledge Classics.
- Daille, Francois – Rene, 1988. *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eco, Umberto, 1976. *A Theory of Semiotics*. Bloomington, London: Indiana University Press.
- Eco, Umberto, 1979. *The Role of the Reader: Explorations in the Semiotics of Texts*. Bloomington: Indiana University Press.
- Eco, Umberto, 1984. *Semiotics and the Philosophy of Language*. Bloomington: Indiana University Press.
- Hawkes, Terence, 1977. *Structuralism and Semiotics*. London: Methuen & Co. Ltd.
- Innis, Robert E. (ed.), 1985. *Semiotics: An Introductory Anthology*. Bloomington: Indiana University Press.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim et al., 1993. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omardin Hj. Asha'ari, 1961. *Kajian Pantun Melayu*. Singapura: Malaya Publish-

- ing House Limited.
- Osman Bakar (peny.), 1989. *Islam dan Pemikiran Sains Masa Kini*. Kuala Lumpur: ASASI.
- Saussure, Ferdinand, 1959. *Course in General Linguistics*. London: Peter Owen Limited.
- Sheikh Abdullah Basmeih (penterj.), 2001. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Zainal Abidin Bakar (peny.), 1984. *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.